



PBD

总结式课堂评估
PENTAKSIRAN SUMATIF



Berdasarkan

Jadual Spesifikasi Ujian
(JSU)

模拟评估 KERTAS MODEL

Ujian Akhir Sesi Akademik

国文

Bahasa
Melayu

Tahun

4



4 + 1 set kertas model

- 4 set kertas model yang ditulis mengikut urutan tema buku teks
- 1 set kertas model merangkumi semua tema buku teks

PERCUMA



1 set Kertas Model UASA Digital
<https://bit.ly/3OihTsv>



Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)
yang boleh diedit disediakan.
<https://bit.ly/4ibaKYT>

Zaleha Masnan

Nama

Kelas

Sekolah

Nama: _____

Kelas: _____

Tarikh: _____

Kertas Model / 2

Tema 3 – 4

BAHASA MELAYU [011]

Satu jam lima belas minit

1. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.

Bahagian A

[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pattu pavadai ialah pakaian tradisional kaum India yang dibuat _____

A dari

B oleh

C akan

D daripada

dari → Arah 方向

→ Tempat 地方 (berasal dari Kedah)

→ Masa 时间

来自

— diperbuat daripada kayu

sebahagian 一部分 daripada 来自

Morfologi Aras R

- 2 Rasa tang yuan _____ kerana dimasak dengan air gula.

A pedas 辣

B manis 甜

C masin 咸

D masam 酸

Morfologi Aras R

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3 A Ibu menyimpan gunting tetapi pisau yang tajam itu ke dalam laci.

B Encik Borhan memandu keretanya agak perlahan akibat (hujan lebat) 下大雨

C Puan Aisyah memastikan lantai rumahnya sentiasa kering dan tidak licin.

D Linda berhati-hati semasa menggunakan pisau manakala jarinya tidak tercedera. 受伤

当 用

Sintaksis Aras S

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bunga malai popular (dalam kalangan) masyarakat India. Kebiasaannya, bunga malai dibuat menggunakan bunga-bunga segar seperti bunga melur, bunga kekwa, atau bunga mawar yang disusun dengan rapinya dalam bentuk untaian atau kalungan. Pembuatan bunga malai memerlukan ketelitian dan kreativiti.

Bunga malai sering digunakan dalam upacara keagamaan, majlis perkahwinan, dan pelbagai acara tradisional sebagai lambang kesucian dan penghormatan. Keindahan dan keharuman bunga malai menjadikannya simbol kasih sayang dan kemurnian dalam budaya masyarakat India.

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa bunga malai popular dalam kalangan masyarakat India.

4 Bunga malai popular dalam kalangan masyarakat apa?

- A Masyarakat Cina
- B Masyarakat India
- C Masyarakat Melayu
- D Masyarakat Kadazandusun

Memahami Aras R

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan.

- A Bungai malai melambangkan kekayaan dan kemewahan.
- B Bunga malai hanya digunakan dalam upacara keagamaan.
- C Pembuatan bunga malai tidak memerlukan ketelitian dan kreativiti.
- D Keindahan dan keharuman bunga malai menjadikannya simbol kasih sayang dan kemurnian.

Mengaplikasi Aras S

6 Yang berikut ialah bunga yang digunakan untuk membuat bunga malai kecuali

- A bunga melur.
- B bunga kekwa.
- C bunga mawar.
- D bunga kantan.

Menganalisis Aras T

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Geena duduk di ruang tamu sambil melayari Internet di (komputer ribanya) Dia mencari maklumat tentang tarian zapin. Tarian zapin ialah sejenis tarian tradisional Melayu. Tarian zapin mempunyai gerak tari yang pantas dan dinamik. Tarian ini (diiringi) oleh alat muzik tradisional seperti gambus, marwas, dan (gendang). (laptop) (pipa) (小鼓) (鼓)

Tarian zapin bukan sahaja menjadi hiburan tetapi simbol identiti budaya Melayu. Tarian ini biasanya dipersembahkan dalam majlis perkahwinan, keramaian, dan acara kebudayaan. Usaha memartabatkan tarian zapin melalui persembahan, pameran, bengkel, dan pertandingan membantu untuk memastikan seni ini terus dihargai oleh generasi muda. (表演) (通过) (工作) (确定) (艺术)

BAHAN 2

KARNIVAL KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Anjuran: Persatuan Penduduk Taman Sentosa

Tarikh: 4 hingga 6 Julai 2025

Tempat: Dewan Komuniti Taman Sentosa

Tujuan: Memupuk minat masyarakat untuk membudayakan kesenian dan kebudayaan (培养) (兴趣) (让...文化)

Aktiviti:

- * Persembahan tarian tradisional (表演)
- * Pameran alat muzik tradisional (展示)
- * Pertandingan peragaan pakaian tradisional
- * Pesta makanan tradisional Malaysia



- 7 Geena mencari maklumat tentang
- A tarian zapin.
 - B pakaian tradisional.
 - C alat muzik tradisional.
 - D Karnival Kesenian dan Kebudayaan.

Memahami Aras R

- 8 Geena di duduk di ruang tamu sambil melayari Internet di komputer ribanya.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas ialah

- A biji.
- B buah.
- C bentuk.
- D bidang.

Penjodoh Bilangan Aras R

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti kehendak soalan. Soalan tersebut meminta kamu memilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris.

- 9 Perkataan *pameran* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

- A pertunjukan. 表演
- B perlawanan. 比赛
- C perlumbaan. 赛跑
- D pembentangan. 展示

Memahami Aras S

- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Tarian zapin diiringi oleh alat muzik moden.
- B Karnival Kesenian dan Kebudayaan diadakan selama seminggu. 长达一个星期
- C Geena membuat persembahan tarian zapin semasa Karnival Kesenian dan Kebudayaan.
- D Karnival Kesenian dan Kebudayaan diadakan untuk (menarik minat) masyarakat membudayakan kesenian dan kebudayaan. 吸引兴趣

Menganalisis Aras T

Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

竹筒制的乐器

Angklung ialah sejenis alat muzik tradisional yang dibuat daripada buluh. Alat muzik ini dimainkan dengan cara digoyangkan untuk menghasilkan bunyi.

Angklung terdiri daripada beberapa tabung buluh yang diikat pada rangka kayu. Setiap tabung menghasilkan nota muzik yang berbeza. Pemain angklung akan menggoyangkan alat muzik ini untuk menghasilkan melodi yang harmoni.

Di Malaysia, angklung sering dimainkan dalam pelbagai acara kebudayaan dan persembahan seni. Alat muzik ini bukan sahaja menghiburkan tetapi melambangkan kepelbagaian budaya dan warisan muzik tradisional yang perlu dipelihara.

遗传

TIP

Ayat ini menunjukkan bahawa angklung dibuat daripada buluh.

1 (a) Angklung dibuat daripada _____

Memahami Aras R [1 markah]

(b) How Bagaimanakah cara bermain angklung?

Angklung dimainkan dengan cara _____

Mengaplikasi Aras R [2 markah]

(c) *Bulatkan satu kata sendi nama yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Angklung terdiri daripada beberapa tabung buluh yang diikat pada rangka kayu.

Morfologi Aras S [1 markah]

(d) *Pilih dan tulis (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Di Malaysia, angklung sering dimainkan dalam pelbagai acara kebudayaan dan persembahan seni.

Acara kebudayaan dan persembahan seni di Malaysia sering bermain angklung.	
Angklung sering dimainkan dalam pelbagai acara kebudayaan dan persembahan seni di Malaysia.	

Sintaksis Aras T [1 markah]

IP

Cara menjawab soalan

1. Fahami ayat yang diberikan dengan telitinya.
2. Kenal pasti ayat yang membawa maksud yang sama dengan ayat yang diberikan.

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Ramesh hendak pulang ke rumah dari kelas tambahan. Dalam perjalanan, dia mendapati seorang lelaki yang tidak dikenali mengekorinya dari belakang. (Gerak-geri) lelaki itu sangat (mencurigakan).
 发现 不认 让人怀疑 举动

2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang perlu Ramesh lakukan? **KBAT**

Ramesh perlu kekal tenang dan segera menuju ke _____

Menganalisis Aras T [5 markah]

TIP**Cara menjawab soalan**

1. Baca dan fahami situasi yang diberikan.
2. Soalan tersebut meminta kamu memberikan pendapat berdasarkan situasi yang diberikan.

Bahagian C

[10 markah]

Grafik di bawah ini tentang keselamatan di jalan raya.

Tulis pendapat kamu tentang cara menjaga keselamatan di jalan raya.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. **KBAT**

Perenggan: Menganalisis Aras T



TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami arahan soalan.
2. Kenal pasti kata kunci dalam arahan soalan.
3. Berdasarkan arahan soalan tersebut, kamu perlu menulis pendapat tentang cara menjaga keselamatan di jalan raya.

Bahagian D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan. **KBAT**

Karangan: Mencipta Aras T

PAMERAN KRAF TANGAN

